

Koridor maksimum

SDC jana pertumbuhan ekonomi Sabah supaya sela

B.H. 06/02/08 M.S 16



KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH

Oleh Francis Au

KOTA KINABALU: Sektor guna tenaga di Sabah mampu mencapai tahap maksimum menerusi pelaksanaan jangka panjang Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang dirangka secara menyeluruh.

Bancian mendapati wujud peningkatan penduduk dengan purata tahunan 2.29 peratus mulai 2000 hingga 2005, sekali gus menjadikan penduduk Sabah berjumlah 3.1 juta orang dengan 80 peratus daripadanya berusia bawah 39 tahun.

Bagaimanapun, pembabitan guna tenaga penduduk negeri ini cuma menyumbang 64.8 peratus dalam sektor pekerjaan dalam negeri manakala selebihnya diisi tenaga kerja asing.

Bilangan tenaga kerja direkodkan ialah 1,264,100 orang tetapi hanya 1,190,782 atau 94.2 peratus saja yang terbabit dalam sektor pekerjaan manakala baki 73,318 orang memilih untuk tidak bekerja atau menganggur.

Sehubungan itu, pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) muncul tepat pada masanya kerana bilangan yang tidak bekerja itu menyumbang kepada 5.8 peratus kadar

pengangguran, mengatasi 3.1 peratus di tahap nasional.

SDC bertujuan menjana pertumbuhan ekonomi Sabah supaya selari dengan pembangunan di Semenanjung, sekali gus bakal menyediakan 900,000 peluang pekerjaan bagi yang benar-benar mahu mengubah haluan hidup.

Penumpuan terhadap tiga sektor



Mereka memilih untuk tidak bekerja kerana bergantung kepada peluang pekerjaan di sektor perkhidmatan awam sedangkan peluang di bidang itu diketahui amat terhad"

utama iaitu pertanian, pembuatan dan pelancongan menerusi SDC berupaya menzahirkan hasrat kerajaan negeri untuk menyerap jumlah tenaga kerja yang selama ini tidak diguna penuh ke tahap maksimum.

Perangkaan menunjukkan sektor pertanian dan perikanan adalah penyumbang terbesar dalam bidang berkenaan iaitu mencecah 30.5 peratus di Sabah.

Kesungguhan menyediakan peluang pekerjaan itu juga dengan sendirinya bakal mengurangkan pengeluaran keluar tenaga kerja anak tempatan ke Semenanjung dan Singapura.

Perangkaan menunjukkan sektor perkhidmatan adalah penyumbang utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah iaitu 48.9 peratus bagi 2005, sekali gus mencerminkan kerancakan pembangunan semasa di Negeri Di Bawah Bayu.

Pada tahun berkenaan, peluang pekerjaan dijana yang menyumbang kepada permintaan guna tenaga tertinggi iaitu 639,000 orang yang mencakupi 53.3 peratus daripada jumlah pekerjaan di seluruh negeri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata kadar pengangguran tinggi di kalangan belia termasuk graduan, sebahagian besarnya berpunca daripada sikap terlalu memilih.


"Mereka memilih untuk tidak bekerja kerana terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan di sektor

kan guna tenaga

ari dengan pembangunan di Semenanjung

FAKTA

Arah Aliran Kadar Pengangguran



Sumber: Laporan Statistik Tahunan Sabah, 2006

perkhidmatan awam sedangkan peluang di bidang itu diketahui amat terhad.

"Pelaksanaan SDC wajar mengubah perspektif mereka terhadap istilah berusaha. Peluang sudah menanti di depan mata dan apa yang perlu dilakukan sekarang ialah mengambil inisiatif untuk bersama menayakan SDC dengan memberanikan diri melakukan sesuatu yang baru.

"Saingan terlalu sengit dan rakyat asing turut mengintai peluang. Bezanya mereka tidak memilih dan sanggup melakukan apa saja

demi mencari sesuap nasi, jadi kita perlu mengubah cara berfikir," katanya.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Mohd Noh Dalimin, yakin bilangan graduan yang dilahirkan institusi pengajian tinggi itu setiap tahun mampu diserap sebagai sebahagian daripada perancangan SDC.

"Mereka mempunyai pilihan bekerja dengan sektor swasta atau mencari peluang sendiri seperti menceburi bidang perniagaan, pertanian atau perikanan yang bakal dipacu menerusi SDC," katanya.

FAKTA NOMBOR

Sabah

2.29

Peratusan peningkatan penduduk mulai 2000 hingga 2005

3.1 juta

Jumlah penduduk Sabah

64.8

Peratusan guna tenaga

900,000

Peluang pekerjaan disediakan SDC

30.5

Peratusan terbabit dalam pertanian dan perikanan